

Pencapaian Matlamat Penubuhan *Teaching School* di Institut Perguruan Kuala Terengganu

Hassan Hushin¹ & Mohamad Kabidi Mohamad¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

Abstrak: Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meninjau pencapaian matlamat penubuhan *Teaching School* di Institut Perguruan Kuala Terengganu. Tinjauan ini melibatkan guru-guru pelatih kumpulan KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah), guru-guru yang mengajar di *Teaching School* itu sendiri dan para pensyarah Institut Perguruan Kuala Terengganu. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti sejauh manakah enam objektif utama yang telah digariskan oleh Bahagian Pendidikan Guru dalam penubuhan *Teaching School* ini telah dapat dicapai. Instrumen kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah soal selidik yang mana ianya disediakan dalam tiga set yang berbeza berasaskan kepada responden. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan kaedah Perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) For Window Version 11.5*. Analisis dinyatakan dalam bentuk peratus dan juga min. Berdasarkan kajian ini beberapa cadangan telah dikemukakan untuk membolehkan matlamat penubuhan *Teaching School* tercapai sepenuhnya.

Katakunci: *Pencapaian matlamat, Teaching School*

Abstract: This study was conducted in order to survey the achievement of the aim of establishing Teaching School in Institut Perguruan Kuala Trengganu. The survey involved trainee teachers in the KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah) group, teachers teaching in the Teaching School itself and the lecturers in Institut Perguruan Kuala Trengganu. The objective of this study was to identify how far was the effectiveness of the six main objectives that had been outlined by Bahagian Pendidikan Guru in establishing the Teaching School. The instrument of the study was in the form of questionnaire in which was prepared in three different sets to the respondent. Data analysis was carried out using SPSS (Statistical Package for Social Science for window Version 11.5) on descriptive mean and percentages. Based on this study, a few suggestions had been given to make the aim of establishing Teaching School to be fully achieve.

Keywords: *Achievement of the aim, Teaching School*

1.0 PENGENALAN

Pendidikan berkualiti untuk semua merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sepanjang tempoh rancangan Malaysia ke-9, KPM berhasrat untuk mengembangkan sepenuhnya potensi institut pendidikan sehingga membolehkan guru dan pelajar mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia. Pendidikan yang berkualiti di peringkat sekolah hanya dapat diwujudkan seandainya guru-guru yang berada di sekolah tersebut merupakan guru yang berkualiti. Lantaran dari itu sistem latihan perguruan negara perlu kepada satu inovasi agar guru-guru yang keluar dari insitusi perguruan benar-benar guru yang berkualiti dan di antara langkah yang diambil oleh Bahagian Pendidikan Guru adalah mewujudkan sekolah dalam maktab atau dikenali juga dengan nama "*Teaching School*". Sekolah dalam maktab yang pertama ditubuhkan ialah SK Maktab Perguruan Kuala Terengganu yang terletak dalam kawasan Maktab Perguruan Kuala Terengganu.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendidikan kali ke-165 telah mencadangkan supaya diwujudkan '*Teaching School*' di bawah pengurusan setiap maktab perguruan yang boleh dijadikan wadah (*showcase*) negara untuk kecemerlangan pendidikan dalam semua aspek pengurusan sekolah dan bilik darjah, pengamalan teori-teori, inovasi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. '*Teaching School*' dikenali dengan beberapa nama lain seperti

sekolah perkembangan profesional (*Professional Development School*), sekolah makmal (*laboratory school*) atau sekolah demonstrasi (*demonstration school*).

Asas pertimbangan kepada penubuhan "*Teaching School*" adalah kolaborasi di antara maktab perguruan dan sekolah dapat menghubungkan maktab perguruan secara terus dengan sekolah. Pendekatan baru ini secara langsung akan melibatkan bakal guru dalam penyelidikan dan mengendalikan kes-kes penemuan, penyelidikan tindakan dan menstrukturkan refleksi mengenai amalan mereka sendiri. Program ini akan dapat melahirkan seseorang guru yang profesional dan belajar daripada pengalaman pengajaran sebenar, melakukan penyiasatan dari amalan melalui kes, pertanyaan, analisis dan kritikan.

Di samping itu mereka dapat membentuk perbincangan profesional yang menggalakkan analisis dan komunikasi mengenai amalan dan nilai yang wujud dan membina hubungan tersendiri serta amalan yang piawai. Program sekolah dalam maktab mencadangkan hubungan baru antara penyelidikan dan amali. Kaedah pembelajaran ini dapat mendedahkan bakal guru kepada suasana yang kaya dengan unsur-unsur perkembangan profesionalisme. Sekolah dalam maktab dilihat akan dapat menjadi penyumbang kepada ciri-ciri profesionalisme dalam pengajaran kerana dalam dua dekad kebelakangan ini terdapat laporan-laporan yang menekankan perlunya perubahan dalam latihan guru.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam dua dekad kebelakangan ini terdapat laporan-laporan yang menekankan perlunya perubahan dalam latihan guru (*The Carnegie Forum on Education and The Economy* (1986), *The Holmes Groups* (1986), Mereka mencadangkan guru pada masa akan datang perlu diberikan latihan yang lebih rapi dan lebih '*authentic*' bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan yang kompleks, cabaran dan kepelbagaian struktur sekolah dan bilik darjah masa kini.

Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia, telah menjadikan projek Sekolah Dalam Maktab (SDM) sebagai satu program utama dalam peningkatan keprofesionalan Latihan Perguruan di negara ini. BPG telah memberi kepercayaan kepada Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Batu Rakit (MPKTBR) bagi merealisasikan program ini. Justeru itu, pada 19 Januari 2003 dengan menggunakan model yang pertama, Pengarah Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Tn. Hj. Razali bin Ismail (sekarang Ahli Parlimen Kuala Terengganu) telah merasmikan Sekolah Kebangsaan Maktab Perguruan Kuala Terengganu sebagai program Sekolah Dalam Maktab yang ulung dengan pengambilan seramai lima puluh orang murid Tahun Satu yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Di awal penubuhan pentadbiran sekolah diuruskan melalui penubuhan Unit Sekolah di Jabatan Ilmu Pendidikan Maktab yang diketua oleh seorang pensyarah kanan. Sementara tugas mengajar dikendalikan oleh guru yang dipinjamkan oleh JPN dengan dibantu oleh beberapa orang pensyarah. Namun disebabkan beberapa masalah yang timbul, maka pada 1 Jun 2005 sekolah ini telah didaftarkan dengan Bahagian Sekolah di Kementerian Pelajaran Malaysia dan diberi nombor pendaftarannya TBA 3103. Dengan ini bermulanya era baru sekolah ini di mana semua guru termasuk guru besar serta staf sokongan dibekalkan sepenuhnya oleh Pejabat Pelajaran Terengganu, begitu juga dengan sumber kewangannya.

Walau bagaimanapun pihak maktab masih memberi bantuan dari segi kewangan, guna sama kemudahan, sumbangan tenaga manusia dan apa juga yang diperlukan oleh pihak sekolah. Dengan adanya kerjasama yang erat di antara Jabatan Pelajaran Negeri dan Maktab diharapkan '*Teaching School*' dapat diperkasakan lagi. Namun demikian terdapat juga di kalangan pensyarah yang masih kabur tentang objektif penubuhan sekolah ini sehinggakan terdapat pensyarah yang tidak dapat memberi kerjasama dengan pihak pengurusan sekolah

dalam menjayakan projek ini. Terdapat sebilangan pensyarah yang tidak membenarkan pelatih meninggalkan bilik kuliah untuk menguruskan aktiviti di sekolah kerana beranggapan apa yang diperolehi di bilik kuliah adalah lebih penting. Sedangkan konsep penubuhan sekolah adalah untuk membolehkan pelatih memperolehi pengalaman melalui “hands on” bukan “minds on” sahaja.

Jadi penyelidik akan cuba mendapatkan gambaran yang sebenar sejauh manakah matlamat penubuhan *teaching school* yang telah digariskan oleh Bahagian Pendidikan Guru telah tercapai setelah enam tahun sekolah ini beroperasi.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah *teaching school* telah digunakan sebagai pusat latihan klinikal oleh guru pelatih?
- ii. Adakah guru memperolehi kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di *teaching school*?
- iii. Adakah pensyarah dapat mengukuhkan pengetahuan dan amalan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan, percubaan, inkuiri, penilaian dan pelaksanaan program-program inovatif di *teaching school*?

5.0 SOROTAN KAJIAN

Terdapat tiga model bagaimana pelaksanaan “*Teaching School*” dapat dilaksanakan oleh maktab-maktab perguruan. Dalam model pertama, maktab-maktab perguruan yang mempunyai kawasan akan membina sebuah kompleks sekolah rendah “*Teaching School*” dalam kawasan maktab. Manakala bagi maktab-maktab yang tidak mempunyai kawasan, konsep “*Teaching School*” masih boleh dijalankan dengan mengambil kaedah model kedua atau ketiga iaitu menjadikan sebuah sekolah yang berdekatan dengan maktab sebagai “*Teaching School*” atau mengambil sebahagian daripada kelas yang terdapat pada sesebuah sekolah sebagai “*Teaching School*”.

Di negara-negara yang telah melaksanakannya, pelaksanaan konsep sekolah dalam maktab ini adalah untuk mendedahkan guru pelatih kepada alam sebenar (*real world*) persekolahan di mana terdapat murid sebenar dari pelbagai latar belakang yang belajar dalam bilik darjah sebenar dalam sebuah sekolah. Kakitangan sekolah adalah terdiri daripada guru sekolah yang berpengalaman dan kakitangan maktab yang terdiri daripada pensyarah dan kakitangan sokongan untuk menyediakan suasana yang sesuai bagi pengajaran klinikal dan pergaulan profesionalisme antara guru pelatih, guru berpengalaman dan pensyarah maktab. Menurut Abdal Haqq (1989) guru-guru yang mengikuti kursus perguruan akan mengikuti program ‘*residency*’ di mana-mana sekolah klinikal. Ini adalah menyamai amalan oleh doktor perubatan yang perlu mengikuti pengajaran klinikal di hospital universiti (Sedlak, 1987; Carnegie Corp., 1986).

5.1 Pelaksanaan *Teaching School*

Dalam melaksanakan *teaching school* ini, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu bertanggungjawab dalam menyediakan guru-guru yang terlatih dan kakitangan sokongan. Di samping itu JPNT juga bertanggungjawab dalam menyediakan gran perkapita tahunan sebagai

mana yang dibekalkan kepada sekolah-sekolah lain. JPNT juga bertanggung jawab dalam menyediakan segala peruntukan kebajikan murid seperti SBT (Skim Bantuan Tuisyen), RMT (Rancangan makanan tambahan), SPBT (Skim Pinjaman Buku Teks) dan lain-lain bantuan seperti mana sekolah lain.

Bagi Bahagian Pendidikan Guru pula perlu memainkan peranan sebagai pemantau untuk memastikan *Teaching School* berjalan sebagai mana yang dirancang. Bagi penambahan nilai untuk *Teaching School* agar dapat memperbagaikan lagi aktiviti institut perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi. Berdasarkan perancangan yang telah diatur di mana semua dua puluh tujuh (27) buah institut dikehendaki menubuhkan *Teaching School* mereka sendiri maka, BPG mesti menjadi penyelaras segala aktiviti yang dijalankan di *Teaching School*. Institut juga perlu membentuk jawatankuasa penyelidikan dan pembangunan *Teaching School* agar keperluan dan pembangunan *Teaching School* dapat dilaksanakan dengan teliti dan terancang.

Pihak sekolah pula mesti melaksanakan kurikulum dan kokurikulum berlandaskan kepada Kurikulum Kebangsaan dan turut melibatkan semua aktiviti yang dikendalikan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Kurikulum sekolah adalah berlandaskan kepada kurikulum yang disarankan dalam falsafah pendidikan negara Pihak sekolah juga perlu memberi penekanan kepada aspek pembentukan sahsiah dan kepimpinan murid menerusi aktiviti yang berasaskan kurikulum dan kokurikulum kebangsaan.

Pensyarah mesti menjalankan penyelidikan pendidikan dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bersama guru dan murid mengikut jadual yang ditetapkan. Pensyarah juga mesti membantu guru menjalankan penyelidikan mengikut keperluan. Memberi kursus, ceramah, bengkel dan sebagainya kepada guru juga menjadi peranan pensyarah. Para pensyarah juga dikehendaki memberi motivasi sebulan sekali dalam Majlis Perhimpunan Pagi di *Teaching School*.

Berlandaskan kepada objektif penubuhan *Teaching School* adalah untuk membolehkan guru pelatih institut perguruan mendapat pengalaman klinikal dan suasana sebenar sekolah maka setiap guru pelatih perlu menyertai jawatankuasa kerja aktiviti sekolah. Guru pelatih juga mesti menjalankan program mikro dan makro "teaching" berpandukan jadual yang telah dipersetujui bersama. Untuk memantapkan lagi pengalaman guru pelatih, mereka mesti membuat pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah serta mempelajari aspek-aspek pengurusan bilik darjah daripada guru-guru yang lebih berpengalaman yang mengajar di *Teaching School* dengan mengamalkan konsep *team-teaching* dan *collaborative teaching*.

5.2 Kajian Lepas

Di Amerika Syarikat banyak program latihan peringkat ijazah pertama telah bergabung dengan sekolah-sekolah di kawasan masing-masing untuk membentuk '*Profesional Development School*'. Konsepnya adalah sama seperti konsep hospital universiti yang terdapat dalam sesebuah universiti. Sekolah-sekolah yang bergabung ini bertujuan untuk menyediakan '*state-of-the-art practise*' yang diuruskan untuk membantu melatih guru-guru baru, peningkatan profesionalisme guru terlatih dan membantu penerokaan dan penyelidikan secara kolaboratif. Universiti dan sekolah merancang bersama untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran ini. Guru baru mendapat lebih banyak pengalaman yang koheren apabila mereka dilibatkan bersama kumpulan pensyarah, guru sekolah dan sesama rakan lain. Guru terlatih di sekolah dapat mendalami lagi pengetahuan mereka melalui khidmat sebagai mentor, '*adjunct faculty*', penyelidik bersama dan sebagai guru pemimpin.

Di negara Eropah seperti German, Belgium dan Luxembourg, seseorang bakal guru perlu mengikuti program pengajian pendidikan selama dua hingga tiga tahun selepas tamat

program ijazah pertama dan menjalani kursus intensif dalam bidang pedagogi di sekolah yang menjadi cawangan dengan universiti.

Di Jepun dan Taiwan, guru baru perlu mengikuti program selama satu tahun di sekolah dan diselia oleh pensyarah. Peraturan di Jepun memerlukan guru yang baru bertugas pada tahun pertama mengikuti 20 hari latihan dalaman dan 60 hari latihan perkembangan profesionalisme. Guru yang terlatih yang menjadi mentor akan dilepaskan beban tugas mengajar bagi membimbing guru baru.

6.0 METOD

6.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian dijalankan adalah kajian kes pelbagai bentuk kuantitatif dan juga kualitatif seperti yang disyorkan oleh Majid Konting (1990). Kajian kualitatif adalah merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan satu fenomena yang berlaku secara terperinci.

Menurut Stake (1997) dalam Morohani (2001) menegaskan bahawa kaedah kajian kes secara kualitatif dianggap sebagai kaedah penyelidikan pendidikan yang sesuai untuk mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan pendidik dan isu-isu pendidikan kerana membantu melihat dan menyiasat sesuatu masalah secara mendalam.

6.2 Populasi dan Pensampelan Kajian

Populasi menurut Mohd Najib (2003) ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Abd. Majid (2000) pula menyatakan bahawa populasi akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya maklumat tersebut dikumpulkan dan dianalisis.

Dalam kajian ini penyelidikan dilakukan secara intensif oleh penyelidik ke atas semua guru SK. Maktab Perguruan Kuala Terengganu, 47 orang pensyarah Maktab Perguruan Kuala Terengganu 192 orang pelatih Institut Perguruan Kuala Terengganu dari pelatih program KPLI (Kursus Perguruan Lulusan Ijazah) dalam pelbagai jurusan.

6.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat pengukur yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang sesuatu kajian. Menurut Mohamad Najib (1999), instrumen menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis seseorang penyelidik. Dalam penyelidikan ini penyelidik akan menggunakan kaedah soalan soal selidik.

Penyelidik akan menggunakan tiga set soal selidik sebagai instrumen yang akan dijawab oleh pensyarah dan guru pelatih kumpulan KPLI (Kursus Perguruan Lulusan Ijazah) Institut Perguruan Kuala Terengganu dan guru SK. Maktab Perguruan Kuala Terengganu. Set yang pertama akan dijawab oleh 192 orang pelatih KPLI, set yang kedua akan dijawab oleh semua 22 orang guru SK. Maktab Perguruan Kuala Terengganu sementara set yang ketiga akan dijawab oleh 47 orang pensyarah yang diambil secara rawak daripada pelbagai jabatan.

Soal selidik ini mempunyai dua bahagian iaitu terdiri daripada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat diri responden seperti umur, jantina dan pengalaman di alam pekerjaan.

Manakala bahagian B pula terdiri daripada soalan yang dibentuk berdasarkan objektif kajian. Pada setiap set soalan arahan dan soalan yang diberi dalam soal selidik adalah piawai dan serupa kepada kepada semua responden yang dikaji. Responden dapat bertindak balas

terhadap rangsangan soalan yang piawai dengan lebih berkesan. Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan soal selidik yang berdasarkan skala kadar dengan menggunakan skala Likert. Skala ini mengandungi lima peringkat skor berdasarkan jadual berikut:

Jadual 1: Skor skala Likert

Skor	Aras
1	Sangat tidak setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (ST)

Soalan bahagian B terdiri daripada soalan berkaitan dengan persoalan kajian. Ianya dibahagikan kepada tiga kategori iaitu untuk pensyarah, guru sekolah dan guru pelatih.

6.4 Prosedur Kajian

Langkah pertama dalam melaksanakan kajian ini ialah memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru dan Institut Perguruan Kuala Terengganu. Selepas kebenaran diperolehi, penyelidik akan ke institut berkenaan untuk mengedarkan borang soal selidik kepada semua responden. Setelah penerangan ringkas diberikan, responden diberi masa selama tiga hari untuk mengembalikan soal selidik kepada penyelidik.

6.5 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian yang dijalankan sebelum set soal selidik digunakan dalam kajian sebenar. Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan tahap kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan. Menurut Majid Konting (1990) kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama dan hampir sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi setara.

Sebelum soal selidik diedarkan sepenuhnya kepada responden penyelidik telah mendapat pandangan, bantuan dan sokongan daripada pakar dalam membina soal selidik. Mutu soalan juga mesti diambil kira, iaitu jelas, padat dan mudah difahami. Ujian juga mesti ditadbirkan dalam suasana yang sesuai dengan memberi peluang maksimum untuk responden menjawab soalan dengan betul dan dianalisis tanpa bias. Amat baik dalam menentukan kesahan isi itu seseorang mendapat pandangan pakar atau beberapa individu lain dalam menyunting soalan sebelum pentadbiran (Mohd Najib, 1999). Dari pengalaman yang dikongsi serta bantuan pakar dapat meningkatkan dan memperkukuhkan kesahan soal selidik. Dua pakar yang membantu penyelidik ialah:

- i. Tn Haji Hassan b Hushin - Pensyarah Pembimbing PSM
- ii. Dr. Haji Mohd Anuar b Abd. Rahman – Pensyarah Fakulti Pendidikan

Seramai 10 orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji telah dipilih bagi menjalankan ujian rintis. Dari ujian rintis tersebut akan dibuat pembetulan sekiranya perlu terhadap item bagi memaparkan soalan. Menurut Mohd

Najid (1999), sekiranya nilai alfa adalah tinggi (0.8 ke atas), penyelidik boleh membuat kesimpulan bahawa soal selidik penyelidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pensyarah, 10 orang guru pelatih Institut Perguruan Perlis dan 10 orang guru SK Institut Perguruan Malaysia, Perlis. Data-data yang dikumpulkan daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science Release 11.5*). Nilai *Alpha Cronbach* mengikut konstruk yang dikaji ditunjukkan pada jadual berikut:

Jadual 2: Nilai *Alpha Cronbach*

Bil	Matlamat	Nilai Alpha Cronbach
1	<i>Teaching School</i> telah digunakan sebagai pusat latihan klinikal oleh guru pelatih.	0.9276
2	Guru memperolehi kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di <i>Teaching School</i> . Pensyarah dapat mengukuhkan pengetahuan dan amalan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran	0.9123
3	melalui penyelidikan, percubaan, inkuiri, penilaian dan pelaksanaan program-program inovatif di <i>Teaching School</i> .	0.9541

Berdasarkan nilai alpha cronbach yang diperolehi, ini menunjukkan item-item soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

6.6 Analisis Data

Abd. Majid (2000) menyatakan, pemprosesan data merupakan teknik untuk pengumpulan, pengolahan, penganalisan, penyimpanan dan pengeluaran data. Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik merupakan bahan mentah yang seterusnya dianalisa untuk mendapatkan ilmu serta maklumat yang berguna.

Analisa data telah dilakukan dengan menggunakan Perisian SPSS versi 11.5 untuk mendapatkan frekuensi, peratusan dan min. Mohd Majid (1990) menyatakan SPSS dibina khusus untuk menampung penganalisan data yang banyak dan berulang-ulang dengan cekap dan cepat. Oleh itu, penyelidik berpendapat kaedah ini didapati amat sesuai sekali serta dapat memberikan jawapan yang jelas untuk membuat perbandingan. Nilai frekuensi, peratusan dan min diringkaskan dalam bentuk jadual bagi setiap aspek yang dikaji berdasarkan persoalan kajian. Ini bertujuan untuk memudahkan penyelidik memproses data, membuat penghuraian serta kesimpulan.

Untuk memudahkan lagi penganalisan data dibuat, jawapan item-item seperti sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju akan diubah menjadi setuju iaitu gabungan antara sangat setuju dan setuju yang diwakili skor tiga, peratusan responden menjawab kurang setuju diwakili oleh skor nombor dua dan peratusan responden menjawab tidak setuju ialah gabungan tidak setuju dan sangat tidak setuju akan diwakili oleh skor nombor satu yang ditanda oleh responden.

Jadual 3: Skor skala Likert

Skala Lima Mata	Skor
Sangat tidak setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Kurang Setuju (KS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (ST)	5

Jadual 4: Skala tiga mata dan skor

Sangat setuju	Setuju	Kurang setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
	3	2		1

Pengalisan data dibuat untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan. Dari penganalisan tersebut kelak, penyelidik dapat mengkategorikan penilaian tersebut kepada beberapa tahap tertentu. Jadual di bawah menunjukkan tahap penilaian terhadap responden berdasarkan peratus. Wiesma (2000) telah digunakan sebagai rujukan pengukuran tahap penilaian.

Jadual 5: Skor min (Wiesma, 2000)

Tahap	Skor Min	Interprestasi
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

7.0 DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 192 set borang soal selidik Set A telah diedarkan kepada guru pelatih Institut Perguruan Kuala Terengganu, 22 set borang soal selidik Set B telah diedarkan kepada guru-guru di Sekolah Kebangsaan Maktab Perguruan Kuala Terengganu dan 50 set borang soal selidik Set C telah diedarkan kepada pensyarah Institut Perguruan Kuala Terengganu. Bagi setiap set soalan soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Soalan bahagian A adalah berkaitan maklumat peribadi responden sementara bahagian B adalah berkaitan dengan persoalan kajian. Dapatan kajian yang diperoleh adalah seperti berikut:

7.1 Analisis Data Bahagian A

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan latar belakang responden iaitu guru pelatih, guru dan pensyarah.

Jadual 6: Taburan responden berdasarkan jantina guru pelatih

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	57	29.7
Perempuan	135	70.3
Jumlah	192	100

Jadual 6 menunjukkan bahawa daripada 192 orang guru pelatih kumpulan KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah), 57 orang (29.7 peratus) adalah lelaki dan 135 (70.3

peratus) adalah perempuan. Ini menunjukkan pelatih perempuan adalah lebih ramai daripada pelatih lelaki

Jadual 7: Taburan responden berdasarkan umur guru pelatih

Umur	Bilangan	Peratus
Kurang dari 20 tahun	-	-
21 hingga 25 tahun	61	31.8
26 hingga 30 tahun	126	65.6
Lebih daripada 31 tahun	5	2.6
Jumlah	192	100

Jadual 7 menunjukkan bahawa daripada 192 guru pelatih 61 orang (31 peratus) adalah berumur diantara 21 hingga 25 tahun, 126 orang (65.6 peratus) adalah berumur diantara 26 hingga 30 tahun dan hanya 5 orang (2.6 peratus) berumur lebih daripada 31 tahun.

Jadual 8: Taburan responden berdasarkan jantina guru SK. Maktab Perguruan Kuala Terengganu

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	4	18.2
Perempuan	18	81.8
Jumlah	22	100

Jadual 8 menunjukkan bahawa hanya empat orang (18.2 peratus) guru lelaki yang mengajar di sekolah ini dan terdapat 18 orang (81.8 peratus) guru perempuan yang mengajar disekolah ini.

Jadual 9: Taburan responden berdasarkan umur guru SK. Maktab Perguruan Kuala Terengganu

Umur	Bilangan	Peratus
Kurang daripada 26 tahun	-	-
26 hingga 30 tahun	1	4.5
31 hingga 35 tahun	7	31.8
36 hingga 40 tahun	10	45.5
Lebih daripada 40 tahun	4	18.2
Jumlah	22	100

Jadual 9 menunjukkan bahawa seorang (4.5 peratus) guru yang berumur 26 hingga 30 tahun, tujuh orang (31.8 peratus) yang berumur 31 hingga 35 tahun, sepuluh orang (45.5 peratus) berumur 36 hingga 40 tahun dan empat orang (18.2 peratus) yang berumur lebih daripada 40 tahun.

Jadual 10: Taburan responden berdasarkan kategori perkhidmatan guru SK. Maktab Perguruan Kuala Terengganu

Kategori Perkhidmatan	Bilangan	Peratusan
Siswazah	5	22.7
Bukan Siswazah	17	77.3
Jumlah	22	100

Jadual 10 menunjukkan bahawa seramai 5 orang (22.7 peratus) adalah guru siswazah dan 17 orang (77.3 peratus) guru bukan siswazah yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Maktab Perguruan Kuala Terengganu.

Jadual 11: Taburan responden berdasarkan jantina pensyarah

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	29	61.7
Perempuan	18	38.3
Jumlah	47	100

Jadual 11 menunjukkan bahawa 29 orang (61.7 peratus) pensyarah lelaki dan 18 orang (38.3 peratus) pensyarah perempuan menjadi responden kepada kajian ini.

Jadual 12: Taburan responden berdasarkan jabatan pensyarah

Jabatan	Bilangan	Peratus
Penyelidikan	1	2.1
Ilmu Pendidikan	4	8.5
Matematik	8	17.0
Pendidikan Islam	9	19.1
Bahasa Inggeris	8	17.0
Sains	1	2.1
Kajian Sosial	1	2.1
Pendidikan	12	25.5
Jasmani		
Teknologi	1	2.1
Pendidikan		
Hal Ehwal Pelajar	1	2.1
Pengajian Melayu	1	2.1
Jumlah	47	100

Jadual 12 menunjukkan bahawa responden terdiri pensyarah daripada pelbagai jabatan di mana pensyarah daripada Jabatan Pendidikan Jasmani paling ramai iaitu 12 orang (25.5 peratus), diikuti pensyarah dari Jabatan Pendidikan Islam sembilan orang (19.1 peratus), Matematik lapan orang (17.0 peratus), Bahasa Inggeris lapan orang (17.0 peratus), Ilmu Pendidikan empat orang (8.5 peratus) serta masing-masing seorang (2.1 peratus) daripada Jabatan Penyelidikan, Sains, Kajian Sosial, Teknologi Pendidikan, Pengajian Melayu dan Hal Ehwal Pelajar.

7.2 Analisis Data Bahagian B

Analisis data dilakukan untuk mengenalpasti peratusan, kekerapan dan nilai min bagi item-item yang terlibat dalam bahagian B.

Jadual 13: Taburan kekerapan, peratusan dan min *teaching school* digunakan sebagai pusat latihan klinikal oleh guru pelatih

No Item	Pernyataan Soalan	Respon			Min
		Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	
1	Pengalaman melakukan ' <i>micro teaching</i> ' di <i>Teaching School</i> ' menjadi saya lebih berkeyakinan.	5 2.6%	25 13.0%	162 84.4%	4.13 Tinggi
2	Penglibatan sebagai fasilitator dalam aktiviti akademik di ' <i>Teaching School</i> ' menambah pengalaman saya.	8 4.2%	26 13.5%	158 82.2%	3.92 Tinggi
3	Penglibatan sebagai guru rumah dalam sukan di <i>Teaching School</i> dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan saya.	15 7.8%	37 19.3%	140 72.9%	3.76 Tinggi
4	Penglibatan sebagai guru penasihat kelab di <i>Teaching School</i> dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan saya.	13 6.2%	40 20.8%	140 72.9%	3.77 Tinggi
5	Penglibatan sebagai guru penasihat persatuan di <i>Teaching School</i> dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan saya.	15 7.8%	38 19.8%	139 72.4%	3.74 Tinggi
6	Penglibatan sebagai penasihat unit beruniform di <i>Teaching School</i> dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan saya.	14 7.3%	36 8.8%	142 74.0%	3.79 Tinggi
7	Penglibatan sebagai jurulatih dalam aktiviti ko-akademik di <i>Teaching School</i> dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan saya.	14 7.3%	37 19.3%	141 73.4%	3.77 Tinggi
Min Keseluruhan Item					3.84 Tinggi

N = 192

Jadual 13 di atas menunjukkan analisis terhadap persoalan yang pertama iaitu mengenalpasti sejauh mana *teaching school* telah digunakan sebagai pusat latihan klinikal oleh guru pelatih. Analisis menunjukkan min yang tertinggi sekali ialah 4.13 bagi item satu yang menyatakan "Pengalaman melakukan '*micro teaching*' di *Teaching School*' menjadi saya lebih berkeyakinan". Didapati seramai 162 orang (84.4 peratus) responden bersetuju, seramai

25 orang (13 peratus) kurang setuju dan seramai 5 orang (2.6 peratus) tidak setuju dengan pernyataan ini. Sementara item 5 yang menyatakan “penglibatan sebagai guru penasihat persatuan di *Teaching School* dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan saya” mempunyai nilai min yang terendah sekali iaitu 3.74 di mana seramai 139 orang (72.4 peratus) bersetuju, 38 orang (19.8 peratus) kurang setuju dan seramai 15 orang (7.8 peratus) tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai purata bagi min keseluruhan bagi persoalan ini ialah 3.84.

Jadual 14: Taburan kekerapan, peratusan dan min guru memperolehi kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di *teaching school*

No. Item	Pernyataan	Respon			Min
		Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	
1	Program perkembangan staf yang disediakan oleh IPKT kepada guru di <i>Teaching School</i> dapat memantapkan pengajaran saya	1 4.5%	2 9.1%	19 86.3%	4.05 Tinggi
2	Banyak ilmu-ilmu baru yang saya perolehi daripada pensyarah apabila saya mengajar di <i>Teaching School</i> ini.	2 9.1%	10 45.5%	10 45.5%	3.45 Sederhana
3	Pensyarah telah memperkenalkan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran kepada saya.	4 18.1%	8 6.4%	10 45.4%	3.27 Sederhana
4	Pensyarah memperkenalkan alat bantu mengajar baru dalam pengajaran dan pembelajaran kepada saya.	4 18.2%	13 59.1%	5 22.7%	2.95 Sederhana
5	Pensyarah memperkenalkan teori pengajaran dan pembelajaran yang baru kepada saya.	3 13.6%	14 63.6%	5 22.7%	3.00 Sederhana
Min Keseluruhan Item					3.34 Sederhana

N = 22

Jadual 14 menunjukkan analisis terhadap persoalan yang kedua iaitu sejauh manakah guru memperolehi kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di *teaching school*. Analisis menunjukkan min yang tertinggi sekali ialah 4.05 bagi item 11 yang menyatakan “ Program perkembangan staf yang disediakan oleh IPKT kepada guru di *Teaching School* dapat memantapkan pengajaran saya”.

Didapati seramai 19 orang (86.3 peratus) responden bersetuju, seramai 2 orang (9.1 peratus) kurang setuju dengan pernyataan ini dan 1 orang (4.5 peratus) guru yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Sementara item 13 yang menyatakan “ Pensyarah telah memperkenalkan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran kepada saya mempunyai nilai min yang terendah sekali iaitu 3.27 di mana seramai 10 orang (45.4 peratus) bersetuju, 8

orang (36.4 peratus) kurang setuju dan seramai 4 orang (18.1 peratus) tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai purata bagi min keseluruhan bagi persoalan ini ialah 3.40.

Jadual 15: Taburan kekerapan, keratusan dan min pensyarah dapat mengukuhkan pengetahuan dan amalan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran

No Item	Pernyataan	Respon			Min
		Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	
1	Saya pernah menggunakan teori-teori baru pengajaran dan pembelajaran di <i>Teaching School</i> .	11 23.4%	9 19.1%	27 57.4%	3.36 Sederhana
2	Saya pernah menggunakan kaedah-kaedah baru pengajaran dan pembelajaran di <i>Teaching School</i> .	11 23.4%	9 19.1%	27 57.4%	3.32 Sederhana
3	Dapatan kajian tindakan yang di jalankan di <i>Teaching School</i> telah mengukuhkan lagi pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran saya.	10 21.3%	8 17.0%	29 61.7%	3.51 Sederhana
4	Penyelidikan pendidikan yang dilaksanakan di <i>Teaching School</i> dapat mengukuhkan pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran.	9 19.1%	7 14.9%	31 66.0%	3.66 Sederhana
5	Kaedah inkuiri dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di <i>Teaching School</i> telah mengukuhkan pengetahuan saya.	13 27.7%	8 17.0%	26 55.3%	3.32 Sederhana
6	Kaedah inkuiri dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di <i>Teaching School</i> telah mengukuhkan amalan saya.	15 31.9%	6 12.8%	26 55.3%	3.23 Sederhana
7	Saya pernah menggunakan idea baru dalam pengajaran dan pembelajaran di <i>Teaching School</i> .	15 31.9%	12 25.5%	20 42.5%	3.13 Sederhana
8	Saya telah menggunakan <i>Teaching School</i> untuk menilai amalan kerja saya.	15 31.9%	7 14.9%	25 53.2%	3.19 Sederhana
Min Keseluruhan Item					3.34 Sederhana

N = 47

Jadual 15 menunjukkan analisis terhadap persoalan yang ketiga iaitu mengenal pasti sejauh mana pensyarah dapat mengukuhkan pengetahuan dan amalan dalam kaedah

pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan, percubaan, inkuiri, penilaian dan pelaksanaan program-program inovatif di *Teaching School*. Analisis menunjukkan min yang tertinggi sekali ialah 3.66 bagi item 4 yang menyatakan “ Penyelidikan pendidikan yang dilaksanakan di *Teaching School* dapat mengukuhkan pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran ”. Didapati seramai 31 orang (66.0 peratus) responden bersetuju, 7 orang (14.9 peratus) kurang setuju dengan pernyataan ini dan 9 orang (19.1 peratus) pensyarah yang tidak setuju dengan pernyataan ini.

Sementara item 7 yang menyatakan “ Saya pernah menggunakan idea baru dalam pengajaran dan pembelajaran di *Teaching School*. ” mempunyai nilai min yang terendah sekali iaitu 3.13 dimana seramai 20 orang (42.5 peratus) bersetuju, 12 orang (25.5 peratus) kurang setuju dan seramai 15 orang (31.9 peratus) tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai purata bagi min keseluruhan bagi persoalan ini ialah 3.34.

Jadual 16: Tahap pencapaian penubuhan *teaching school*

Bil	Matlamat	Responden	Tahap			Skor Min
			Rendah	Sederhana	Tinggi	
1	<i>Teaching School</i> telah digunakan sebagai pusat latihan klinikal oleh guru pelatih.	Guru Pelatih	10 5.2%	41 21.4%	141 73.4%	3.84 Tinggi
2	Guru memperolehi kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di <i>Teaching School</i> .	Guru SKMPKT	1 4.5%	13 59.1%	8 36.4%	3.40 Sederhana
3	Pensyarah dapat mengukuhkan pengetahuan dan amalan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan, percubaan, inkuiri, penilaian dan pelaksanaan program-program inovatif di <i>Teaching School</i> .	Pensyarah	10 21.3%	14 29.8%	23 48.9%	3.34 Sederhana

Jadual 16 menunjukkan tahap pencapaian *teaching school*. Tahap yang tertinggi bagi pencapaian matlamat *Teaching School* telah digunakan sebagai pusat latihan klinikal oleh guru pelatih adalah sebanyak 73.4 peratus dan diikuti dengan 21.4 peratus. Skor min bagi pernyataan matlamat ini adalah tinggi iaitu 3.84. Tahap terendah bagi pernyataan matlamat Guru memperolehi kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di *Teaching School* adalah 4.5 peratus dan tahap tertinggi adalah 36.4 peratus. Skor min bagi tahap ini adalah 3.40. Manakala bagi pernyataan matlamat pensyarah dapat mengukuhkan pengetahuan dan amalan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan, percubaan, inkuiri, penilaian dan pelaksanaan program-program inovatif di *Teaching School*, tahap tertinggi adalah 48.9 peratus dan tahap sederhana adalah 29.8 peratus. Skor min bagi tahap ini adalah sederhana iaitu 3.34.

8.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah ditetapkan, kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauh manakah matlamat penubuhan *Teaching School* telah tercapai. Responden terdiri daripada tiga kumpulan utama yang boleh memainkan peranan utama dalam mencapai matlamat berkenaan itu guru pelatih, guru di *Teaching School* dan pensyarah Institut Perguruan Kuala Terengganu.

8.1 Menenalpasti Sejauh Manakah *Teaching School* Telah Digunakan Sebagai Pusat Latihan Klinikal oleh Guru Pelatih

Dapatan dari soal selidik yang telah diadakan terhadap guru pelatih Institut Perguruan Kuala Terengganu didapati hanya 10 orang (5.2 peratus) responden berada di tahap yang rendah terhadap persoalan kajian iaitu *Teaching School* telah digunakan sebagai pusat latihan klinikal oleh guru pelatih sementara 41 orang (21.4 peratus) orang berada di tahap sederhana dan 141 orang (73.4 peratus) berada di tahap yang tinggi. Skor min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 3.84. Sehubungan dengan itu penyelidik berpendapat bahawa objektif pertama penubuhan *Teaching School* iaitu sebagai pusat latihan klinikal telah tercapai.

Ini dapat dibuktikan dengan peratusan yang tinggi bagi setiap soalan yang telah dikemukakan. Contohnya soalan yang pertama iaitu "pengalaman melakukan '*micro teaching*' di *Teaching School* menjadi saya lebih berkeyakinan" 162 orang guru pelatih (84.4 peratus) telah bersetuju dengan pernyataan ini. Begitu juga dengan persoalan yang kedua iaitu "penglibatan sebagai fasilitator dalam aktiviti akademik di *Teaching School* telah menambah pengalaman saya" dan persoalan yang ketiga iaitu "penglibatan sebagai guru rumah dalam sukan di *Teaching School* dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan saya" mendapat peratusan responden yang bersetuju yang tinggi iaitu (82.2 peratus) dan (72.9 peratus). Setiap pelatih Institut Perguruan Kuala Terengganu dibenarkan menjalankan *micro teaching* mereka di sekolah ini. Cuma mereka perlu menghubungi pihak sekolah terlebih dahulu supaya penyelarasan dapat dilakukan.

8.2 Menenalpasti Sejauh Manakah Guru Memperolehi Kemahiran Profesional yang Berkualiti Apabila Mengajar Di *Teaching School*

Dapatan soal selidik terhadap persoalan sejauh manakah guru memperoleh kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di *teaching school* seorang (4.5 peratus) ditahap yang rendah dan 13 orang (59.1 peratus) berada di tahap yang sederhana dan 8 orang (36.4 peratus) berada di tahap yang tinggi sementara skor minnya adalah sederhana iaitu 3.40. Jadi untuk objektif yang kedua penubuhan *Teaching School* iaitu guru memperoleh kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di sekolah ini belum tercapai sepenuhnya.

Walau bagaimanapun institut ada menyediakan pakej untuk program perkembangan staf sebanyak dua kali setahun dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak Institut. Pihak sekolah dibenarkan menjalankan program tersebut dimana-mana hotel yang terpilih dan pengisian adalah pilihan sekolah sendiri. Apa yang diharapkan oleh guru adalah lebih banyak lagi teori-teori dan kaedah-kaedah yang terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat di berikan agar mereka dapat menjalankan tugas mereka sebagai pendidik dengan lebih berkesan.

8.3 Mengenalpasti Sejauh Manakah Pensyarah Dapat Mengukuhkan Pengetahuan dan Amalan Dalam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Penyelidikan, Percubaan, Inkuiri, Penilaian dan Pelaksanaan Program-Program Inovatif Di *Teaching School*

Dapatan soal selidik terhadap persoalan sejauh manakah pensyarah dapat mengukuhkan pengetahuan dan amalan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan, percubaan, inkuiri, penilaian dan pelaksanaan program-program inovatif di *teaching school*. Seorang (4.5 peratus) di tahap yang rendah dan 13 orang (59.1 peratus) berada di tahap yang sederhana dan lapan orang (36.4 peratus) berada di tahap yang tinggi sementara skor minnya adalah sederhana iaitu 3.40. Jadi untuk objektif yang ketiga penubuhan *Teaching School* iaitu guru memperolehi kemahiran profesional yang berkualiti apabila mengajar di sekolah ini belum tercapai sepenuhnya. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan kekangan masa yang dihadapi oleh pensyarah itu sendiri. Tetapi dengan adanya penambahan tenaga pensyarah yang telah diluluskan oleh kerajaan diharapkan pensyarah mempunyai lebih masa untuk menjayakan objektif penubuhan *teaching school*.

9.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, penyelidik menyimpulkan bahawa kajian yang telah dijalankan telah menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan dan mencapai objektif kajian. Hasil kajian didapati bahawa matlamat penubuhan *Teaching School* di Institut Perguruan Kuala Terengganu telah tercapai. Dengan sedikit penambahbaikan penyelidik berkeyakinan tahap pencapaian matlamat penubuhan sekolah ini dapat dipertingkatkan lagi. Penyelidik juga berkeyakinan dengan penubuhan *Teaching School* ini matlamat utamanya iaitu meningkatkan taraf pendidikan guru akan tercapai. Di samping itu penyelidik berharap kajian ini dapat membantu Bahagian Pendidikan Guru dalam penubuhan *teaching school* Institut Perguruan yang lain.

RUJUKAN

- Abd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul – Haqq Ismat (1986). *The Nature of Professional Development School*. Washington DC.
- Bahagian Pendidikan Guru (2002). *Sekolah Dalam Maktab*. Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Holmes Groups (1986). *Tomorrow's Teachers: A report of the Holmes Group, The Holmes Group*. East Lansing, Michigan
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan: Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Wiersma W. (2000). *Research Method In Education: An Introduction 7th Edu*. Boston: Allyn and Bacon.